

20/10/2001

Peruntukan terbesar untuk luar bandar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Belanjawan 2002 memberi peruntukan terbesar sebanyak RM5.34 bilion untuk pembangunan luar bandar bagi meningkatkan kemudahan dan keselesaan rakyat.

Jumlah itu termasuk RM1.58 bilion untuk pertanian, RM378 juta bagi pembangunan tanah dan wilayah serta RM392 juta untuk pembangunan kampung dan masyarakat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata peruntukan itu termasuk bagi melaksanakan projek jalan luar bandar, jalan kampung serta menyediakan bekalan air dan elektrik.

Beliau berkata, kerajaan juga akan mempertingkatkan tahap liputan bekalan air bersih kepada 99 peratus di Semenanjung, 75 peratus di Sabah dan Sarawak dan 100 peratus bekalan elektrik menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

Bagi mencapai tujuan itu, sebanyak RM185 juta disediakan bagi bekalan air luar bandar, yang akan memberi tumpuan khusus di pedalaman terutama Sabah dan Sarawak.

Peruntukan RM211 juta disediakan untuk bekalan elektrik luar bandar, termasuk kos pemasangan lampu jalan bagi 16,207 kampung di seluruh negara.

Bagi perkhidmatan kesihatan luar bandar, kerajaan akan meneruskan program kesihatan keluarga yang disediakan di klinik bidan, klinik desa dan klinik kesihatan.

Katanya, melalui program seperti 'teleprimary care', perkhidmatan yang disediakan akan menggalakkan pembangunan keluarga yang sihat yang meliputi kesihatan wanita dalam kumpulan produktif, pembangunan kanak-kanak serta penjagaan kesihatan remaja, warga tua dan golongan istimewa.

Beliau berkata, peruntukan RM202 juta pula disediakan bagi membina 383 projek klinik kesihatan manakala RM8 juta bagi 13 projek bekalan air dan kebersihan alam sekitar atau Bakas.

Katanya, projek Bakas merangkumi sistem pembinaan bekalan air, tandas sanitari serta pengurusan sisa pepejal dan air limpah.

Dr Mahathir berkata, program pendidikan luar bandar turut diberi tumpuan dengan memberi peruntukan RM900 juta manakala RM100 juta diperuntukkan untuk pembinaan enam projek baru kolej matrikulasi.

"Sejumlah RM205.5 juta diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan fizikal dan pembinaan makmal komputer sekolah," katanya.

Kerajaan juga katanya, memperuntukkan RM215 juta bagi membina 7,800 unit rumah guru iaitu sebahagian daripada matlamat menyediakan 40,000 rumah guru.

Selain itu katanya, tumpuan juga akan diberi bagi meningkatkan pendidikan di luar bandar Sabah dan Sarawak.

RM180 juta diperuntukkan untuk pembinaan dan menaik taraf rumah guru serta menyediakan kemudahan bekalan air bersih dan elektrik di sekolah.

Katanya, RM114.1 juta pula bagi pembangunan Orang Asli menerusi Program Pembangunan Minda dan aktiviti taska dan tadika membabitkan 412 kampung bagi mengurangkan keciciran dan kemiskinan di kalangan mereka.

(END)